



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2008
TINGKATAN EMPAT**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak

Jawab semua soalan

1. Simpankira merupakan proses
- A Merekod urusanniaga dalam dua akaun yang berbeza
 - B Memindahkan catatan di dalam buku catatan pertama ke lejar
 - C Mengelas, merekod, mentafsir, melapor dan menganalisis maklumat kewangan
 - D Merekod urusanniaga perniagaan secara tepat dan sistematik berasaskan prinsip catatan bergu
2. Berikut ialah salah satu konsep perakaunan
- Bangunan yang dibeli pada 1 Januari 1997 pada harga RM225 000 masih direkod dengan nilai yang sama pada tahun kewangan 2007
- Pernyataan di atas merujuk kepada konsep
- A materialiti
 - B ketekalan
 - C kos sejarah
 - D entiti berasingan
3. Antara berikut, yang manakah benar tentang perniagaan milikan tunggal
- I Bilangan pemilik hanya seorang
 - II Liabiliti pemilik perniagaan adalah terhad
 - III Didaftarkan di bawah Pendaftar Perniagaan
 - IV Laporan kewangannya hendaklah dihebahkan kepada orang ramai.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C I dan IV
 - D II dan IV

4. Kitaran Perakaunan merupakan
- A Satu proses merekod dan menyediakan maklumat perakaunan
 - B Satu proses menyediakan dokumen sehingga pelaporan maklumat perakaunan
 - C Satu proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan
 - D Satu proses menyediakan Akaun Perdagangan & Untung Rugi dan Kunci Kira-kira bagi satu tempoh perakaunan.

5.

Jadual 1

	Hasil Kendalian	Hasil Bukan Kendalian
P	Dividen	Diskaun diterima
Q	Jualan stok	Faedah atas simpanan
R	Jualan van lama	Sewa diterima
S	Faedah atas overdraf	Hutang lapuk terpulih

Berdasarkan jadual 1 di atas, pilih pasangan yang betul

- A P
 - B Q
 - C R
 - D S
6. Stok alat tulis yang tidak habis diguna pada akhir tempoh perakaunan ditunjukkan dalam Kunci Kira Kira sebagai
- A Aset Semasa
 - B Liabiliti Semasa
 - C Aset Bukan Semasa
 - D Liabiliti Bukan Semasa

Soalan 7 dan 8 merujuk kepada petikan Penyata Pendapatan berikut:

Kedai Kasut Sedapaka
Penyata pendapatan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2008

	RM	RM	RM
Jualan			85,000
Stok awal		15,950	
Belian	45,500		
(-) Pulangan Belian	<u>100</u>		
	45,400		
(+) Y	<u>400</u>		
		<u>45,800</u>	
(-) Stok akhir		61,750	
		<u>16,100</u>	
Untung kasar			<u>?</u> Z

7. Apakah butiran yang mungkin untuk Y?

- A Angkutan Keluar
- B Kos Barang Untuk Dijual
- C Kos Belian
- D Insurans Atas Belian

8. Nilai Untung Kasar, Z ialah

- A RM 23,250
- B RM 39,350
- C RM 45,650
- D RM 85,000

9. Antara berikut, yang manakah dapat menerangkan Persamaan Perakaunan?

- A Aset = Liabiliti + Modal + Hasil – Belanja
- B Aset = Liabiliti + Modal – Hasil + Belanja
- C Aset = Liabiliti + Modal + Hasil + Belanja
- D Aset = Liabiliti + Modal – Hasil – Belanja

10. Berikut adalah beberapa urusaniaga bagi seorang peniaga

- I Beli stok secara kredit RM 400
- II Penghutang membayar tunai RM 550
- III Pemilik mengambil tunai RM 120 untuk kegunaan peribadi
- IV Terima pinjaman bank RM 5,000 daripada Bank Jayasama Bhd

Antara urusaniaga berikut, yang manakah menambahkan aset dan liabiliti perniagaan?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11

Penghutang menjelaskan hutangnya RM 600 dengan membayar sekeping cek bernilai RM 550

Kesan urusaniaga tersebut ke atas Persamaan Perakaunan ialah

	<u>Penghutang</u>	<u>Bank</u>	<u>Modal</u>
A	berkurang RM 550	bertambah RM 600	bertambah RM 50
B	berkurang RM 600	bertambah RM 550.	berkurang RM 50
C	berkurang RM 550	bertambah RM 550	tiada perbezaan
D	bertambah RM 600	berkurang RM 550	bertambah RM 50

12

Perniagaan Perabot Jatty
MEMO

Tarikh: 2 September 2008

Sila rekodkan ambilan perabot RM500 untuk kegunaan pejabat.

Berdasarkan memo di atas, catatan beregu yang sesuai ialah

- A debit akaun perabot, kredit akaun belian
- B debit akaun ambilan, kredit akaun perabot
- C debit akaun ambilan, kredit akaun alat pejabat
- D debit akaun alat pejabat, kredit akaun perabot

13 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai dokumen perniagaan.

- I Dokumen adalah sumber maklumat mengenai urus niaga yang berlaku.
- II Dokumen perlu diperiksa dan ditafsir sebelum dicatat dalam buku catatan pertama.
- III Dokumen merupakan buku untuk mencatat urus niaga yang berlaku.
- IV Dokumen menjadi teras kepada catatan rekod perniagaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

14. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai diskaun tunai.

- A Diskaun tunai diberikan kepada pelanggan yang membeli barang secara tunai.
- B Diskaun tunai diberikan untuk mengalakkan pelanggan membeli barang secara pukal.
- C Diskaun tunai diberikan untuk mengalakkan pelanggan membayar dengan cepat.
- D Kadar diskaun tunai ditentukan berdasarkan jumlah pembelian yang dibuat oleh pelanggan.

15

Pemilik mengeluarkan wang tunai peribadi untuk membeli kenderaan untuk kegunaan perniagaan.

Pilih Buku Catatan Pertama yang sesuai untuk merekod urus niaga tersebut.

- A Buku Tunai
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Jualan
- D Jurnal Am

16 Encik Syamsul mendapati Invois yang dihantar kepada pelanggannya telah dikenakan harga yang lebih daripada harga sebenar. Apakah dokumen yang digunakan oleh Encik Syamsul untuk membetulkan kesilapan ini?

- A Makluman Kredit
- B Maklumat Debit
- C Nota Kredit
- D Nota Debit

17 Kedai Mastura menjual barang niaga secara kredit pada harga senarai RM1 800 kepada Puteri Mahirah dengan potongan diskaun niaga sebanyak 5%. Berapakah hutang Puteri Mahirah?

- A RM1 980
- B RM1 890
- C RM1 800
- D RM1 710

18. Antara berikut, yang manakah **benar** tentang diskaun niaga?

- I Diberi semasa pembelian dibuat
- II Diberi semasa pembayaran hutang
- III Untuk menggalakkan pelanggan menjelaskan hutang dengan cepat
- IV Untuk menggalakkan pelanggan membeli dalam kuantiti yang banyak

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

19

SALINAN		Comel Enterprise		No. : 0002
		96 Kg. Rhu Muda 21600 Marang Terengganu. Tel. : 09-6178900		INVOIS
Kepada: Puteri Aqilah No. 113 Pasar Kedai Payang 20100 Kuala Terengganu.				
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Amaun (RM)	
30 kg.	Sotong kering	50.00	1 500.00	
50 kg.	Ikan pelata	6.00	300.00	
Jumlah kasar			1 800.00	
Tolak: Diskaun niaga 5%			90.00	
Jumlah bersih			1 710.00	
(Ringgit: Satu ribu tujuh ratus sepuluh sahaja)				
Syarat : 5% 5 hari, 2 % 10 hari K. & K. D. K.		Puteri Aqilah Penerima		Mastura Pengurus

Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1 di atas, apakah buku catatan pertama yang digunakan oleh Comel Enterprise untuk mencatat urus niaga tersebut?

- A Buku Tunai
- B Jurnal Am
- C Jurnal Belian
- D Jurnal Jualan

20.

ASAL		Kedai Kek Saleena	
		No. 207 Jalan Bahagia 21400 Bukit Payung Tel.: 09-6192007	
Kepada Manja Bakery 123 Jalan Ceria 2100 Kuala Terengganu.		No.: 007	
		INVOIS	
		Tarikh: 11 Ogos 2008	
KUANTITI	BUTIRAN	HARGA SEUNIT RM	JUMLAH RM
100 biji	Kek pisang	12.00	1 200.00
100 biji	Kek lapis betawi	23.00	2 300.00
100 biji	Kek coklat	9.00	900.00
			4 400.00
Tolak : Diskaun niaga 20%			880.00
JUMLAH			3 520.00
<p><i>(Ringgit : Tiga ribu lima ratus dua puluh sahaja)</i> <i>Syarat: 10% 7 hari, 5% 10 hari</i> K. & K. Dik.</p>			
		<i>Manja</i> Penerima	<i>Saleena</i> Pengurus

RAJAH 2

Berdasarkan Rajah 2 di atas, Manja Bakery menjelaskan invois berkenaan pada 15 Ogos 2008. Berapakah diskaun tunai yang diterima oleh Manja Bakery?

- A RM440
- B RM352
- C RM220
- D RM176

21. Buku Tunai Tiga Lajur digunakan untuk merekod

- I Bayaran cek kepada pemiutang
- II Bayaran komisen kepada jurujual
- III Penerimaan tunai daripada penghutang
- IV Penerimaan diskaun niaga daripada pembekal

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

22. Berikut adalah petikan Buku Tunai Restoran Seri Kemaman

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun Diberi	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun Diterima	Tunai	Bank
Mac 1	Baki b/b		525	2500	Mac 2	Sewa			500
13	Kedai Din	25	1225		10	Belian		230	

Berdasarkan buku tunai di atas, yang berikut menerangkan urusan 13 Mac kecuali

- A Kedai Din hanya membayar hutang kepada Restoran Seri Kemaman sebanyak RM1225
- B Kedai Din menerima diskaun daripada Restoran Seri Kemaman sebanyak RM25
- C Kedai Din merupakan pemiutang kepada Restoran Seri Kemaman
- D Jumlah hutang Kedai Din ialah RM 1250

23. Buku tunai runcit disediakan untuk mengurangkan catatan dalam buku tunai. Urus niaga yang dicatatkan dalam buku tunai runcit ialah

- I beli alat tulis untuk kegunaan pejabat
- II membayar wang pos
- III membayar upah cuci pejabat
- IV membeli barang niaga dengan tunai

- A I dan II
- B I, II dan III
- C I, III dan IV
- D Semua di atas

24. Pada 19 Julai 2008, Encik Ahmad Busu memulakan perniagaan 'AB Sports Enterprise' dengan modal tunai di bank RM12,000

- | | | | |
|---|---------------------|-----------|-----------|
| A | (Dt) Bank | RM 12,000 | |
| | (Kt) Tunai | | RM 12,000 |
| B | (Dt) Bank | RM 12,000 | |
| | (Kt) Modal | | RM 12,000 |
| C | (Dt) Tunai | RM 12,000 | |
| | (Kt) Modal | | RM 12,000 |
| D | (Dt) Bank | RM 12,000 | |
| | (Kt) En. Ahmad Busu | | RM 12,000 |

25 Buku yang mengandungi pelbagai jenis akaun yang digunakan untuk merekod urusanniaga ialah.....

- A Lejar
- B Buku Tunai
- C Jurnal
- D Buku Tunai Runcit

26 Antara yang berikut, akaun yang manakah direkodkan dalam lejar subsidiari?

- I Akaun Aset
- II Akaun Hasil
- III Akaun Pemiutang
- IV Akaun Penghutang

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

27

Pada 7 Nov 2007 Pemilik Perniagaan Sutera Emas telah memasukkan wang tunai ke dalam bank RM10 000 sebagai modal tambahan

Catatan dalam lejar bagi urusanniaga di atas ialah

- A debit akaun bank dan kredit akaun modal
- B debit akaun modal dan kredit akaun tunai
- C debit akaun tunai dan kredit akaun modal
- D debit akaun modal dan kredit akaun bank

28 Antara berikut, akaun yang manakah dikelaskan sebagai Akaun Nyata

- I Akaun Tunai
- II Akaun Lengkapan
- III Akaun Alat Tulis
- IV Akaun Komisen Diterima

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

29 Akaun yang manakah disenaraikan dalam ruangan kredit imbangan duga?

- A Bangunan
- B Simpanan Tetap
- C Angkutan Keluar
- D Pemiutang

30 Data di bawah dipetik daripada buku akaun Perniagaan Mazli pada 31 Disember 2007.

	RM
Modal	30 000
Belian	13 600
Jualan	15 800
Lengkapan	18 800
Sewa dibayar	4 500
Bank	8 200
Pemiutang	1 580
Penghutang	2 280

Hitung nilai Imbangan Duga Perniagaan Mazli pada tarikh 31 Disember 2007

- A RM47 380
- B RM42 880
- C RM51 880
- D RM46 680

31 Nyatakan sumber-sumber butiran bagi menyediakan Imbangan Duga

- I Lejar
- II Jurnal
- III Buku Tunai
- IV Penyata Bank

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

	Dt	Kt
Perabot	18 800	
Alatan Pejabat	25 000	
Bank	20 500	
Modal		50 000
Pemiutang		12 540
Y		1 760
	64 300	64 300

Berdasarkan Imbangan Duga yang terdapat dalam data perkara Y merujuk kepada

- A Diskaun Diterima
- B Tunai
- C Stok awal
- D Kadar bayaran

33 Butiran berikut diambil daripada buku-buku catatan perniagaan Kedai Buku Harmoni:

Kos mesin fotostat (dibeli pada 1 Januari 2004)	RM 6000
Jangka usia kegunaan	4 tahun
Nilai skrap	600
Tahun kewangan	setiap 31 Disember

Berapakah susut nilai mesin fotostat bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.

- A. RM1 350
- B. RM1 500
- C. RM2 100
- D. RM2 400

34 Maklumat berikut diperlukan untuk penyediaan Kunci Kira-kira **kecuali**

- A. Stok alat tulis
- B. Stok awal
- C. Modal awal
- D. Kadarbayaran terdahulu

35 Butiran berikut diperolehi daripada Imbangan Duga Ahmad Trading pada 31 Disember 2007

	Debit	Kredit
	RM	RM
Penghutang	8 500	
Peruntukan hutang ragu		300

Maklumat tambahan

Peruntukan hutang ragu ditetapkan 5% atas penghutang

Hitungkan Peruntukan hutang ragu yang perlu dimasukkan ke dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

- A. RM125
- B. RM300
- C. RM410
- D. RM425

36 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai belanja terakru

- A. Belanja yang masih belum dijelaskan pada akhir tempoh perakaunan
- B. Belanja yang telah dijelaskan dalam tempoh perakaunan sebelumnya
- C. Belanja terakru ditunjukkan di bahagian aset semasa dalam Kunci Kira-Kira
- D. Belanja yang terlebih bayar daripada yang sepatutnya pada akhir tempoh perakaunan

37 Urus niaga berikut dipetik daripada buku Kedai Runcit Murni

Pada 1 Mei 2007, pemilik telah membayar insurans RM6 600 untuk tempoh setahun dengan cek. Tempoh perniagaannya berakhir pada 31 Disember 2007.

Pilih catatan akaun insurans yang betul

Akaun Insurans

			RM			RM
A.	Dis 31	Untung Rugi	4 400	Dis 31	Bank	6 600
		Baki h/b	2 200			
			6 600			6 600

Akaun Insurans

			RM			RM
B.	Dis 31	Bank	6 600	Dis 31	Untung Rugi	4 400
				31	Baki h/b	2 200
			6 600			6 600

Akaun Insurans

			RM			RM
C.	Dis 31	Bank	6 600	Dis 31	Untung Rugi	6 600

Akaun Insurans

			RM			RM
D.	Dis 31	Untung Rugi	6 600	Dis 31	Bank	6 600

38 Berikut adalah kedudukan baki akaun pada akhir tempoh perakaunan.

	Butir	Baki
I.	Gaji terakru	Debit
II.	Faedah diterima terdahulu	Kredit
III.	Iklan terakru	Kredit
IV.	Komisen diterima terdahulu	Debit

Catatan manakah yang betul?

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

Dapatkan Skema jawapan di www.banksoalanspm.com

39. Batik Suzi Sdn. Bhd. telah menjual peralatan dengan harga RM4 600.

Berikut ialah maklumat tentang peralatan tersebut:

Kos Peralatan (kos)	RM 5 200
Peruntukan susut nilai peralatan	1 560

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan peralatan.

- A. Rugi RM600
- B. Rugi RM960
- C. Untung RM600
- D. Untung RM960

40. Berikut adalah Lembaran Kerja Perniagaan Hamidah bagi tahun berakhir 30 Jun 2008:

	Imbangan Duga		Pelarasan		Imbangan Duga Terlaras		Penyata Pendapatan		Kunci Kira-Kira	
	Dt	Kt	Dt	Kt	Dt	Kt	Dt	Kt	Aset	Kredit
Jualan		11 500				11 500		11 500		
Belian	7 800			X	7 500		7 500			

Berdasarkan maklumat di atas, X ialah

- A. Belian barang berkurang caj RM300
- B. Duti atas belian RM300 terlupa direkodkan
- C. Ambilan barang RM300 terlupa direkodkan
- D. Pulangan barang RM300 terlupa direkodkan

KERTAS SOALAN TAMAT